

Tekad penternak muda

Oleh NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com



JIKA di negara Barat, mereka yang berumur agak muda telah diberikan kunci kebebasan dan apabila usia berkenaan dikatakan sudah matang dan baharu bersedia untuk memulakan serta menghadapi cabaran hidup.

Berlainan pula situasi anak muda yang berasal dari Kampung Sungai Kembong Hilir Bangi, Kajang, **Aminurrashid Athzar** kerana pada usia 21 tahun dia telah mula mengumpul kekayaan sendiri melalui perniagaan yang diusahakannya.

Penternak muda yang menjalankan perniagaan ternakan kambing dan lembu

AMINURRASHID ATHZAR tekun membersihkan ladang ternakannya di Kampung Sungai Kembong Hilir, Kajang, Selangor.

ini merupakan generasi ketiga mewarisi dan menguruskan perniagaan keluarganya yang dikira agak mencabar.

Menurut Aminurrashid, dia mula mengambil alih tugas untuk menguruskan ladang kambing dan lembu pada tahun 2012 dan menggalas tanggungjawab meneruskan tugas secara bersendirian tanpa mengupah pekerja.

“Segala-galanya dilakukan sendiri bermula dari memberi makan kepada haiwan ternakan, membersihkan kandang sehinggalah kepada proses menyembelih sekiranya ada permintaan daripada pelanggan untuk majlis akikah ataupun kenduri.

“Rutin harian saya biasanya banyak dihabiskan di ladang dan sehingga kini bilangan ternakan lembu adalah sebanyak 60 ekor, 100 ekor kambing biri-biri dan 30 ekor kambing,” katanya ketika ditemui di Kajang baru-baru ini.

Menurut bekas pelajar Kolej Pertanian Bukit Tinggi, Kedah itu juga, keberanian dan kegigihan menguruskan ladang ternakan sendiri diperoleh hasil daripada tunjuk ajar bapanya dan juga pengalaman yang ditimba sejak dari kecil.

Selain itu, Aminurrashid turut mendapatkan pendidikan secara formal dalam bidang yang diceburinya apabila menghadiri pelbagai kursus penternakan yang dianjurkan oleh universiti awam mahupun swasta dan juga agensi-agensinya yang berkaitan.



TUGAS: TUGAS lain Aminurrashid Athzar termasuk memberi makanan kepada ternakannya.

Cabaran sebagai penguat semangat

WALAU PUN telah didedahkan dengan bidang ternakan sejak kecil, namun, pelbagai cabaran tetap perlu diharungi oleh usahawan ternakan muda ini. Antaranya ialah kes kecurian lembu dan kambing yang dipeliharanya sehingga mendatangkan kerugian mencecah ribuan ringgit.

Tetapi katanya, perkara itu dijadikan cabaran untuk menguji diri supaya lebih bersabar dan tidak mudah berputus asa walau apa jua rintangan yang datang demi mencapai cita-cita sebagai usahawan berjaya.

“Selain itu, antara cabaran lain ialah apabila terpaksa berhadapan dengan faktor cuaca misalnya fenomena el-Nino baru-baru ini.

“Akibat daripada cuaca panas yang melampau, ia memberi kesan pada kesihatan haiwan ternakan hingga menjajakan kualiti selain lebih perhatian perlu diberikan kepada ternakan itu.

“Namun begitu, dengan bantuan seperti JPW (Jabatan Perkhidmatan Veterinar), ia amat membantu saya terutama dalam memastikan kesihatan haiwan ternakan berada pada tahap yang baik,” katanya.

Tambahnya lagi, selain daripada menjalankan perniagaan haiwan ternakan, keluarganya turut menjalankan perniagaan sajian makanan.

Justeru, bagi mereka yang berminat untuk membeli lembu atau kambing mahupun biri-biri, sama ada yang telah disembelih atau tidak, boleh mengunjungi ladang ternakannya yang terletak di Kampung Sungai Kembong Hilir, Kajang, Selangor.

“Selain itu, mereka yang berminat juga boleh menghubungi saya di talian 019-5430497 bagi mendapatkan lembu dan kambing yang dijamin memuaskan hati” ujarnya.



FAKTA

Keluasan kawasan ternakan 1.6 hektar (4 ekar).

Baka lembu yang ditekun adalah Brahman, Nelo dan Kedah-Kelantan (KK) dengan harga pasaran RM4,000 seekor.

Baka kambing yang ditekun adalah Boer, Jamnapari serta Anglo dan biri-biri dengan baka Santa Ines, Malin dan Damara.